

# Perusahaan awam perlu ubah kaedah Contohi swasta

BM 18 MAR 1990

Oleh MANJA ISMAIL

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan perlunya pendekatan baru untuk mengurangkan kerugian kerajaan dalam menguruskan perusahaan awam.

Oleh itu, katanya, pemikiran perusahaan awam perlu diubah supaya menganggap tanggungjawab mereka menjalankan perniagaan adalah sama dengan sektor perniagaan swasta.

Sehubungan itu, mereka yang terbabit dalam perusahaan awam perlu berusaha mencari modal sendiri untuk tujuan pelaburan termasuk melalui pinjaman serta mengurangkan pergantungan kepada peruntukan kerajaan.

"Untuk mengelakkan kerugian, mereka mesti mengawasi perbelanjaan. Ada sesetengah perusahaan awam yang tidak berfungsi sebagai badan perniagaan. Ketika ini kerajaan menyediakan peruntukan tahunan dan membayar gaji kakitangan perusahaan awam," katanya.

Perdana Menteri berkata, penubuhan perusahaan awam bukanlah menjadi matlamat Dasar Ekonomi Baru tetapi hanya satu alat untuk mencapai tujuan itu.

Kerana itu, ekuiti dalam perusahaan awam yang sentiasa rugi tidak memberi sebarang makna walaupun pemilikan perusahaan oleh agensi awam mungkin menambah peratusan ekuiti Bumiputera.

"Kerana bertambahnya perusahaan awam dengan begitu cepat, kerajaan tidak dapat mengawasi apa yang berlaku dalam

badan-badan ini, sama ada mereka menolong pencapaian matlamat DEB atau sebaliknya.

"Sementara ramai yang menolong, ramai juga menjadi penghalang kerana bersaing dengan syarikat Bumiputera dengan menggunakan keistimewaan mereka sebagai badan milik kerajaan," katanya ketika merasmikan Seminar Masa Depan Agensi Perusahaan Awam anjuran Gemaputera di sini, semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan memutuskan untuk menswastakan perusahaan awam yang dianggap menguntungkan jika dibuat demikian, kerana lebih ramai Bumiputera perseorangan bersedia dan mampu menceburi bidang itu.

Kerajaan, katanya, mahu seberapa boleh menghadkan fungsinya kepada tugas asal iaitu mengawasi keselamatan dan keamanan melalui undang-undang serta pelbagai bentuk perkhidmatan penyeliaan.

"Ketidakadilan dan penindasan yang mungkin berlaku dalam pasaran bebas boleh dibendung oleh sistem kerajaan demokratik. Hubungan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera juga boleh diawasi melalui penyeliaan dan penguatkuasaan dasar serta undang-undang," katanya.

Perdana Menteri berkata, pekerja perusahaan awam yang diswastakan hendaklah menerima layanan tidak kurang baik daripada menerima ketika mereka bekerja dengan kerajaan. Bagaimanapun mereka tidak harus mengeksploitasikan peng-

wastaan untuk mendapat ganjaran luar biasa.

Menurutnya, proses pengswastakan bukan bertujuan melepaskan perusahaan awam daripada fungsinya membantu matlamat DEB iaitu tidak memalinkan fungsi sebagai badan amanah Bumiputera.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat tidak boleh terlalu taksud dengan sistem kerana mereka terpaksa dan perlu mengikut aliran zaman yang mengurangkan fungsi perusahaan awam.

"Perusahaan awam masih ada tempatnya jika mereka memperbaiki prestasi melalui pengurusan cekap dan berhasil. Walaupun mereka mungkin diswastakan, pencapaian objektif penubuhannya masih penting.

"Jika pemikiran menunjukkan adalah lebih baik mereka kekal dalam perusahaan awam ia akan dikekalkan. Kita tidak dogmatik. Kita akan memilih yang baik dan membuang yang buruk walaupun terpaksa menentang arus pemikiran semasa," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 373 atau hampir 39 peratus daripada perusahaan awam dan anak syarikat mereka yang masih cergas menanggung kerugian dan keadaan itu tidak boleh diketepikan walaupun mereka mempunyai tanggungjawab sosial.

Sejak DEB dilancarkan, ada lebih 1,000 perusahaan awam dan anak syarikatnya dengan sumbangan modal kerajaan kira-kira \$16,740 juta berbanding hanya 100 buah sebelum itu.